



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHD SHAIMY BIN HASHM  
PELUKIS SUREALISME PAHANG  
(TOKOH LUKISAN SUREALISME)**

**OLEH:**

**RAHIMAH BINTI RAMLI 2018260608  
NUR ALIA NADHIAH BINTI SHAMSURI 2018238528**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 ( OKT 2020-FEB 2021)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya kami diberi kekuatan dan ketabahan dalam menyiapkan tugas yang diberikan setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakannya.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 iaitu Madam Nurulannisa Binti Abdullah di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberi tunjuk ajar sepanjang proses kumpulan kami melaksanakan tugas ini. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugas kami seperti ini. Segala jasa dan penat lelah beliau amatlah kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Encik Mohd Shaimy Bin Hashim di atas kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang projek ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi maklumat dan pengalaman hidupnya kepada kami. Kami bertuah kerana Encik Mohd Shaimy Bin Hashim amat mudah untuk berkongsi ilmu serta mudah untuk berurusan sepanjang kajian di jalankan.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada kawan-kawan yang turut membantu dalam proses menyiapkan tugas ini. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga kami juga turut menyumbang kejayaan kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

Rahimah Binti Ramli

Penemuabual

Nur Alia Nadhihah Binti Shamsuri

Penemuabual

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

Abstrak: Transkrip temubual ini adalah antara pelajar UiTM iaitu Rahimah Binti Ramli dan Nur Alia Nadhiah Binti bersama Encik Mohd Shaimy Bin Hashim. Temubual ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui tentang latar belakang dan kehidupan beliau dalam menaikkan namanya sebagai pelukis tersohor di Pantai Timur. Transkrip ini bertujuan untuk mendapat maklumat lisan yang boleh dijadikan rujukan untuk masa akan datang. Kajian ini turut mengupas tentang sejarah awal pendidikan, kerjaya awal, sumbangan dan cadangan beliau bagi menarik penduduk setempat sekaligus orang luar terhadap dunia lukisan.

*Kata kunci: Mohd Shaimy Bin Hashim, pelukis, Pantai Timur, lukisan*

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	2
ABSTRAK.....	4
ISI KANDUNGAN.....	6
BIODATATOKOH.....	8
PENGENALAN.....	10
TRANSKRIP.....	11
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH.....	12
BAHAGIAN 2: PEMBUKAAN GALERI.....	18
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL.....	21
BAHAGIAN 4: KEMAHIRAN.....	23
BAHAGIAN 5: PENGALAMAN.....	26
BAHAGIAN 6: PENGALAMAN KERJA.....	28
BAHAGIAN 7: SUMBANGAN.....	30
BAHAGIAN 8: HARAPAN.....	30
LAMPIRAN.....	32
Log Wawancara.....	33
Diari Kajian.....	36
SenaraiSoalan.....	39
SENARAI GAMBAR.....	45
Gambar 1: Gambar Bersama Shaimi Hashim .....	45
Gambar 2: Surat Perjanjian.....	49
INDEKS.....	51

# **BIODATA TOKOH**



## BIODATA TOKOH



**GAMBAR 1: ENCIK MOHD SHAIMY BIN HASHIM**

Nama: Mohd Shaimy Bin Hashim

Umur: 68 Tahun

Tarikh Lahir: 15 April 1953

Tempat Lahir: Kampung Panchur, Pekan, Kuantan

Status: Berkahwin

Bilangan anak: 3 orang

Pendidikan:

- Sekolah Kebangsaan Pekan, Kuantan (Darjah 1-6)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Lembing (Tingkatan 1- 3)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib (Tingkatan 4 – 5)
- Maktab Adabi, Kuantan
- Maktab Adabi, Kota Bharu
- Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Kami telah diberi tugas oleh pensyarah untuk menjalankan kajian mengenai tokoh yang berpengalaman dan mendapat anugerah dalam bidang yang dikecapi. Di samping itu, tugas yang diberi meliputi sesi menemu bual tokoh kemudian mentranskripkan segala perbualan dalam bentuk bertulis atau dalam kata lain iaitu sejarah lisan. Secara umumnya, sejarah lisan merupakan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Encik Mohd Shaimy bin Hashim sebagai tokoh yang ingin ditemubual. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang lukisan terutamanya aliran surealiseme. Pengetahuan yang dimiliki oleh beliau tentang lukisan membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk mendapatkan maklumat penting sebanyak yang mungkin.

Oleh itu, tugas sejarah lisan yang kami telah laksanakan sedikit sebanyak mempunyai kepentingan yang berharga kerana ia dapat memupuk minat dengan lebih mendalam untuk mengetahui pengetahuan yang berkaitan dengan lukisan.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lukisan. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Shaimy bin Hashim iaitu mantan Persatuan SENIKA. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 4 Januari 2021 pada pukul 11 pagi bertempat di Galeri Seni yang bertapak di Kuantan, Pahang. Temubual ini dikendalikan oleh Alia Nadhihah seterusnya disambung oleh Rahimah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### PETUNJUK

NAN : NUR ALIA NADHIHAH

RR : RAHIMAH RAMLI

SH : SHAIMY HASHIM

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

**NAN :** Assalamualaikum, saya wakil dari pelajar Uitm Machang ingin menemubual encik berkaitan latar belakang encik, sejarah pendidikan dan serba sedikit tentang diri encik. Berkenaan latar belakang encik, boleh saya tahu apakah nama sebenar encik.

**SH :** Nama saya Mohammad Shaimy bin Hashim. Saya lahir diKampung Panchur, Pekan, Pahang pada 15 April 1953. Pengajian pertama saya di Pekan iaitu Sekolah Kebangsaan Pekan.Pada tahun 1998 sewaktu tingkatan 3, keluarga saya membuat keputusan untuk berpindah ke Sungai Lembing ke kampung keluarga atuk saya. Jadi saya belajar di Sekolah Menengah Sungai Lembing dan lulus SRP [Sijil Rendah Pelajaran] kemudian saya berpindah ke SMART [Sekolah Menengah Sultan Abdul Talib] sehingga tahun 1970. Oleh kerana pengajian tak [tidak] berapa bagus, saya menganggur sebentar. Pada waktu itu saya merantau ke Kuala Lumpur dan bertemu dengan pelukis, penolong pelukis dan balik ke Kuantan. Pada tahun 1972, saya telah sambung pengajian di swasta

iaitu di Maktab Adabi, Kuantan tetapi tidak tamat kerana hati saya ingin mengembara sampai ke Perlis dan berpatah balik ke Kuala Lumpur dan menetap di Kuala Lumpur selama setahun lebih. Pada tahun 1973 saya balik ke Kuantan dan saya berniaga sedikit di Pasar Besar, Kuantan kemudian terbuka hati pula untuk belajar di sebuah institusi swasta Kelantan iaitu English School dan beberapa bulan seterusnya saya berpindah ke Maktab Adabi, Kota Bharu dan sewaktu di sana minat melukis kembali semula dan saya keluar untuk melukis pada hari Jumaat dan Sabtu di Pasar Kota Bharu. Kemudian tak habis di tingkatan 6 atas oleh kerana faktor ekonomi. Saya seterusnya pulang ke Kuantan dan saya melukis di stesen bas kuantan pada tahun 1995 sewaktu berumur 23 tahun. Dan di situ lah bermula saya melukis secara live [langsung] di Kuantan dengan melukis potret dan dengan bakat yang tidak cukup tetapi minat yang menebal kerana pendedahan tiada pada masa itu di Kuantan. Pada masa itu juga, Pantai Timur paling susah dan jauh daripada media massa yang bagus dan akhbar dan televisyen pula tidak seperti sekarang yang banyak tunjukkan pelukis. Dahulu, kalau kita mahu baca tentang pelukis kadang kala sebulan sekali pun dah susah berada di dalam akhbar berbanding dengan zaman kini hanya menggunakan aplikasi seperti *Google*. Ringkasnya, saya masih melukis di bawah pokok pada 1975 sehingga dapat menyewa satu sudut kedai di Medan Pelancong yang kini menjadi Menara Teruntum. Pada 1977 pula pada waktu itu lukisan tidak berapa banyak sambutan tetapi dalam 3 ke 4 tahun juga saya aktif di kuantan. Saya juga telah beralih tempat dan dapat mengajar pada mulanya di Kuantan tetapi akhirnya di Pasir Mas, Kelantan dan sekaligus saya menjadi seorang guru yang mengajar bidang lukisan serta aliran bahasa dan sastera pada tahun itu sehingga berusia 29 tahun saya berkahwin dan masuk kumpulan angkatan persatuan pelukis Kelantan iaitu PESENI dan saya juga merupakan ahli kumpulan seumur hidup yang pertama dan individu terawal yang menyertai PESENI oleh kerana PESENI tersebut baru sahaja ditubuhkan. Pada 1981, saya mendapat peluang untuk belajar di Universiti Sains dalam aliran seni kreatif dan pada waktu itu, kerajaan mengadakan 3 bidang iaitu seni halus, senipenulisan kreatif dan seni teater. Saya dan kawan-kawan memilih seni halus. Pada tahun ini tidak ramai yang mengambil bidang seni halus dan hanya 3 orang sahaja.

**NAN : Apakah perbezaan seni halus dan seni penulisan kreatif ?**

**SH :** Seni penulisan kreatif lebih kepada penulisan seperti novel, cerpen dan kajian banyak kepada novel. Seni halus pula lebih kepada mengkaji sejarah seni halus itu sendiri. Saya sambung semula berkaitan pengajian saya selama setahun sahaja, dan balik mengajar di Maktab Adabi, Pasir Mas dan kemudian berhenti pada tahun 1982 hujung tahun dan pengajar di Sekolah swasta di Institut Lemang di Pasir Mas dan berdekatan dengan rumah sewa saya. Di situ kebetulan sekolah itu pada masa itu telah usang dan saya tidak dapat bertahan dan pada waktu itu anak nak masuk 2 orang. Jadi saya membuat keputusan untuk pulang ke Kuantan. Dulu saya ada simpan satu catatan saya tulis sebelum balik sebagai tujuan matlamat yang bertajuk pulang. Matlamat saya waktu tu saya nak balik membantu keluarga saya memandangkan mak saya telah tua dan berpisah dengan ayah saya dan saya telah menetap lama di negeri orang selama 5 tahun 1977-1983 dan setahun di Pulau Pinang.

Semasa di universiti 1991, saya jumpa seorang kenalan sewaktu saya membuka studio dahulu, yang merupakan seorang pensyarah dan pada ketika itulah kami bercadang untuk menubuhkan Persatuan Seni Lukis Pahang jadi antara matlamat saya pulang ke Kuantan adalah untuk menubuhkan persatuan tersebut. Tetapi apabila saya pulang ke Kuantan, orang tua saya tidak mahu saya berniaga bersama mereka dan menyuruh saya membuka perniagaan sendiri. Perniagaan keluarga saya bernama Ilham Budiman yang mana merupakan sebuah perniagaan yang membuat bahan konkrit seperti tiang rumah dan batu blok tetapi saya terpaksa akur dengan arahan ayah saya. Saya pada masa itu menjaga perniagaan ayah saya dan dalam masa yang sama turut mengusaha persatuan. Pada tahun 1993 pula, saya tutup walaupun syarikatnya masih ada sehingga ke hari ini dari tahun ke tahun selama 10 tahun dalam bidang keusahawanan.

Pada ketika itu juga pelbagai program persatuan yang dijalankan bermula pada 22 April 1984 berkumpul di maktab perguruan teruntum dan kami tidak ramai ketika itu jadi kami menumpang dewan kesultanan melayu pahang untuk kami bergerak secara sah. Pada tahun 1986 apabila kami sudah mempunyai ahli yang mencukupi dan lulus permohonan sekaligus persatuan SENIKA bersendirian dan tidak terikat. Saya merupakan setiausaha memandangkan saya yang merancang persatuan tersebut dan

menjadi pengerusi menggantikan kenalan saya yang merupakan pensyarah. Pada tahun itu juga, kami lulus permohonan untuk wujudkan Taman Kerang itu sebagai taman seni. Di situ juga selama 3 ke 4 tahun pelukis baru muncul walaupun tidak ramai tetapi kami bergiat aktif. Pada tahun 1987, masing-masing sudah berduit hasil jualan lukisan, ada juga yang berpindah ke tempat lain dek kerana lukisan tidak terjual. Jadi boleh saya katakan pelukis seni itu berkembang secara keluar masuk tetapi saya masih ada lah dari dahulu sehingga kini. Saya telah menjadi pengerusi pada tahun 1999 kebetulan kami mendapat satu sokongan daripada kenudayaan kuat pada waktu itu dan dapat bangunan di tingkat 2 di Center Point oleh kerana tuan bangunan menyerahkan bangunan tersebut kepada kami dan secara percuma selama 2 tahun dan bermula lah galeri pertama persatuan di sana.

Selama 2 tahun itu, kami aktif juga dengan pelbagai program dan ketika itulah saya mula dapat memebawa pelajar-pelajar Uitm menyertai pertandingan-pertandingan. Tujuan saya mengadakan pertemuan tersebut melalui pertandingan secara terbuka tersebut untuk mendedahkan kepada pengalaman kerana dalam lukisan juga banyak gaya, bahan yang digunakan dan kemahiran yang ada dapat membantu sedikit sebanyak pelukis yang masih mentah dalam dunia lukisan mula terdedah dan pergaulan mereka menjadi lebih luas dan melalui perjalanan yang panjang jatuh dan bangun, bertukar pengarah dan kadang-kadang dah minat tetapi diserang penyakit. 1922, kami mengadakan pertemuan pelukis Malaysia kali ke 2 di Kuantan di Taman Budaya. Pada masa itu mpk telah turut sama menyertai program itu dan mengadakan satu pertandingan terbuka dan ramai pelajar Uitm datang untuk mencuba dan hadiah utama pada waktu itu lumayan iaitu sebanyak RM5k dan pelbagai karya muncul yang sebelumnya tiada di Kuantan tetapi waktu itu sudah ada.

Dalam menyuarat tersebut, kami mengusahakan supaya persatuan-persatuan negeri seperti SENIKA dan PESENI serta persatuan di Perak supaya bersatu sebanyak 7 negeri sehingga 2006. pada ketika itu setiausaha telah pun pencen dan saya dilantik menjadi setiausaha dan dibantu oleh isteri saya. Kami berjaya membuat pertemuan ke-3 antara pelukis Malaysia melalui persatuan pelukis di malaysia dan buat di Semuji, Gambang. Di situ kami telah bertemu seramai 9 buah negeri yang hadir



dan cukup forum akhirnya pada 2007 lahirlah satu kebangsaan baharu di peringkat kebangsaan iaitu Gabungan Persatuan Pelukis Malaysia (GAPS) dan melantik bekas KSU iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai yang dipertua dan saya dilantik sebagai timbalan yang dipertua. Pada tahun 2010, beliau telah sakit kemudian 2011 beliau telah memberi laluan kepada saya dalam mesyuarat agung yang berikutnya kemudian saya secara tidak langsung telah dilantik sebagai yang dipertua dan pada tahun 2019 selama 8 tahun saya melepaskan jawatan saya kepada orang baharu kerana saya dan isteri sudah tidak berapa sihat. Jadi sekarang di peringkat kebangsaan telah dipegang oleh Kelantan iaitu PESENI dan kini saya hanyalah mantan tetapi masih sebagai jawatankuasa yang giat kerana setiap pengerusi negeri akan menjadi jawatankuasa cuma tidak dapat bergerak kerana faktor pandemik Covid-19 yang memberi tekanan kepada persatuan negeri-negeri untuk bergerak.

Alhamdulillah, kini pelukis-pelukis negeri yang aktif dalam persatuan memang tidak susah untuk ke luar negara kerana kini kami mempunyai 11 buah negeri yang bergabung termasuk Sabah dan Sarawak. Antara persatuan yang tiada adalah di negeri Selangor yang tidak ada Persatuan negeri tetapi mempunyai persatuan peringkat Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Pulau Pinang dahulu ahli kita tetapi persatuannya gagal ditadbir. Kini seandainya Pahang tiada program tetapi di Kedah ada program, kami akan pergi ke Kedah untuk menyertai program tersebut. Setakat ini yang paling kerap membuat program ialah negeri kita iaitu Pahang. Sebelum menyertai GAPS lagi, kami telah membuat perjumpaan antara pelukis Pantai Timur dan Malaysia. Ini menyebabkan pelukis Pahang yang aktif dan ada yang muncul dengan baik, beryungkus lumus dia mencapai kejayaan dia. Jadi begitu juga dalam bidang seni, daripada saya balik 83. datang 69 dah kenal pelukis di Kuantan. 1975 di bawah pokok stesen bas kuantan dan buka studio pada waktu itu terdapat 3 4 orang dan senyap selama 7 tahun kerana pelukis perlukan pergerakan untuk menonjolkan hasil lukisannya. Kini di Pahang pelukis telah ramai yang membuka studio, galeri dan kumpulan tersendiri dan mampu membuat jualan berbanding zaman saya terdahulu.

Saya pernah ke Bali pada tahun 2015, saya turun di lapangan terbang saya lihat penuh dengan lukisan anak tempatan mengisahkan mitosnya,

kepercayaan nya. Jadi itu membakar semangat saya untuk teruskan seni lukisan kerana saya dapat lihat bangsa kita belum cukup kuat sayang pada bangsa dan hasil tempatan. Perkembangan di Pahang kini sememangnya aktif pada orang yang memahami akan kewujudan lukisan tidak seperti dunia hiburan seperti nyanyian dan lakonan yang kini lebih mendapat tempat di mata masyarakat. Tambahan pula dapat saya ringkaskan bahawa, kini kurangnya slot dalam dunia lukisan yang dimasukkan di kaca televisyen dan juga radio. Walaubagaimanapun, keseluruhannya seni walaupun berkembang tetapi masih jauh lagi kerana mentaliti kita seperti bangsa melayu kita sendiri, kurang pendedahan terhadap dunia seni, tidak menyimpan hasil seni dan tidak mampu kerana hasil seni makin hari makin tinggi harganya. Harga lelongan untuk satu lukisan juga mencecah ratusan ribu dan berjuta harganya tetapi persoalannya berapa orang sahaja yang mampu membeli kerana jika mahu bandingkan dengan negara barat, mereka mempunyai satu pemikiran yang mereka bahawa mereka membeli lukisan tempatan, secara tidak langsung mereka bangga dapat membantu pelukis tempatan, dengan bantuan tersebut, berkembang sokongan terhadap pelukis tersebut. Selain itu, pelukis tersebut juga dapat hidup bergaya kerana pelukis kini perlu bergaya kerana tidak seperti pelukis terdahulu yang tidak mempunyai ijazah. Kemudian mereka sedar seni merupakan satu bahan pelaburan. Mereka membeli hari ini dan lihat pelukis yang mempunyai daya maju dan mengikuti perkembangan tersebut, maka mereka dapat meletakkan harga yang sepatutnya. Seterusnya pada pandangan saya, saya dapat lihat masyarakat kini akan membeli sesuatu yang hanya mereka suka sahaja sebagai contoh pelukis menjual lukisan abstract tetapi pembeli datang mencari lukisan landscape. Jadi terdapat perbezaan citarasa yang menyebabkan lukisan jarang terjual. Ada juga masyarakat yang mempersoalkan tentang lukisan yang dihasilkan dan itu bermakna masyarakat kita kurang ilmu pengetahuan.

**NAN :** Seni Yunani klasik misalnya merujuk kepada kerajaan Mesir kerana itulah lakaran-lakaran manusia terawal yang dijumpai di gua-gua batu. *Renaissance* terdapat dua zaman, iaitu *Renaissance 1* dan *Renaissance 2*. Ketika *Renaissance 1* ia merujuk juga kepada kerja-kerja seni kerajaan Mesir ini termasuk jugalah penemuan dan prasasti. Pada zaman itu, dipengaruhi oleh Sokrates. Lukisan yang dijumpai pada zaman itu kebanyakannya wajah beliau yang merupakan pemikir pada zaman itu.

Seni warna juga bertambah baik.

Ketika *Renaissance* 2 lahirlah tokoh-tokoh seni seperti Marco Anglo dan Leonardo da Vinci. Bidang kesenian menjadi kebanggaan mereka pada ketika itu. Jika dilihat sehingga kini, orang masih mengagumi seni lukisan Mona Lisa. Kemahiran seni sudah mendalam. Namun begitu, warna lebih kepada monokrom.

Antara aliran seni lukis lain ialah romantisme, naturalism, dan realisme. Aliran romantisme lebih kepada menggambarkan sesuatu perkara secara lebih dramatis dan memiliki suasana seperti mimpi. Biasanya menggunakan perumpamaan dan simbol. Dalam aliran naturalism, biasanya pelukis akan memilih waktu-waktu tertentu untuk melukis pemandangan yang luar biasa. Kini, sudah bermacam-macam aliran yang tidak terkejar oleh saya.

Maka, aliran-aliran seni tersebut awak boleh *check* semula di buku-buku seni atau *google* sahaja. Saya pun sendiri sudah lama tidak membaca mengenai ini. Tidak membaca bermaksudnya tidak menambah ilmu. Saya banyak menghabiskan masa melakukan aktiviti dan mengerakkan program untuk persatuan, serta mencari dana dan duit untuk melaksanakan program. Maka, masa saya banyak dihabiskan begitu

## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: PEMBUKAAN GALERI

**NAN** : **Bagaimana encik boleh membuka banyak galeri seni dan berapa banyak buah galeri seni yang telah encik buka? Selain itu, adakah hasil lukisan tersebut hasil tangan encik sendiri atau dicampur juga dengan lukisan pelukis yang lain? Bagaimana pula dengan lukisan yang tidak terjual?**

**SH** : Ringkasnya, sepanjang saya menjadi seorang pelukis memang saya pernah mewujudkan galeri. Ada yang pendek dan ada yang panjang usianya. Selepas sahaja saya daripada berada dibawah pokok sebagai pelukis jalanan. Saya menyewa di kawasan medan pelancong. (No.16 Medan Pelancong jika tidak silap. Namanya, Rummy Art Studio. Pada ketika itu, foto-foto sebegini masih tiada lagi. Kalau ada, mungkin banyak saya boleh

masukkan. Foto-foto lama yang disimpan didalam kotak, banyak dah yang tak jumpa. Pada masa itu, saya suka melukis secara berkumpulan. Oleh itu, saya selalu membawa rakan-rakan saya ke studio tersebut. Dalam studio saya, terdapat juga lukisan rakan-rakan saya. Kami sehingga hari ini masih lagi kekal berkawan. Pada ketika itu, lukisan pelukis terkenal seperti pelukis cap air dari Terengganu juga sudah berada dalam studio saya. Rummy Art Studio 1975-1976.

Kemudian, saya berpindah ke Pasir Mas. Saya mempunyai prinsip iaitu dimana saya duduk maka disitulah saya punya studio. Bermakna bilik saya itulah studio saya. Apabila para pelajar bertanya mengenai ini, saya akan bercerita perkara yang sama. Apabila studio berada di depan mata kita, kita akan sentiasa bercambah idea dan kemahuan terhadap lukisan. Jadi, walaupun banyak barang lukisan yang saya sediakan di dalam bilik tersebut, itulah konsep studio. Apabila saya duduk di Pasir Mas, saya berpindah ke satu tempat yang namanya Lorong Paung. Saya memberi nama kepada penginapan saya iaitu Mutiara Musafir. Maka, disitulah saya mengajar anak-anak murid saya yang terdiri daripada pelajar sekolah yang berminat melukis. Hari yang tidak bersekolah, mereka akan datang melukis di perkarangan rumah saya. Namun begitu, Mutiara Musafir bukanlah studio yang secara rasmi iaitu bermaksud tidak berdaftar. Nama rumah saya Mutiara Musafir.

Kemudian, sebelum saya ke USM, saya berpindah ke Kelemang. Saya buka MMS Studio. Saya buka studio tersebut secara berlesen sebab saya dah buka akaun bank, buat *advertising*, jual buku-buku sedikit sebab saya mengajar sastera bahasa dan lukisan. Jadi, ramai berkeperluan mencari buku-buku. Buku-buku yang anak murid saya selalu beli untuk rujukan, saya akan beli dan jual di studio tersebut.

semula ke Kuantan. Pada tahun 1986-87 jika tidak silap saya, saya masih Medan Pelancongan tadi namun di kawasan bangunan yang lain. Saya sebut sebagai Galeri 24. Terdapat pokok besar berhadapan galeri lama saya. terpaksa ditutup kerana bangunan tersebut Persatuan Peniaga Kecil ambil sebut.

Selepas itu, saya lahirkan lagi sebuah studio yang diberi nama Ilham Enterprise. Saya ada membuat beberapa *advertising* namun tidak berapa berjaya. Studio tersebut mempunyai lessen tetapi menemui kegagalan juga.

Mungkin disebabkan berada di kawasan kampung dan jauh daripada orang yang berminat *art* pada ketika itu.

Kemudian, saya berpindah ke tempat lain. Saya mula membuka galeri untuk persatuan di Central Point pada tahun 2000 sehingga 2004. Kemudian, dari Central Point saya berfikir untuk letak jawatan pada ketika itu. Saya pun mula mencari studio saya sendiri balik. Kemudian, saya sewa Taj, Ilham Demand punya perniagaan pada ketika itu. Studio Taj tersebut saya buat bekalan, *renovation, maintenance and repair* maka sempurnalah menjadi sebuah studio bagi saya.

Pada tahun 2007, apabila saya berjaya menubuhkan Gabungan Pelukis SeMalaysia, bangunan ini saya dijadikan studio Pelukis Pantai Timur. Maka, inilah galeri terakhir saya. Mengenai lukisan yang tidak terjual, hal ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana karya terlalu banyak. Hari ini pula pelukis dah terlalu ramai. Karya-karya saya juga tiada pengawai pemasaran dan tidak seperti dulu, saya selalu naik turun pejabat. Maka, kadang-kala lukisan yang tidak terjual ini ada hasil tempahan yang tidak diambil atau lukisan untuk pameran. Apabila siap pameran, ada je individu yang tidak datang ambil lukisan tersebut. Oleh kerana saya ini peminat lukisan, maka saya jaga dan simpan lukisan tersebut. Namun, sekiranya dijual saya akan maklumkan kepada pelukis karya tersebut serta diberikan sedikit bonus sekiranya mencukupi. Maka, banyak usaha sudah dibuat. Terdapat cadangan yang diutarakan supaya hasil lukisan yang tidak terjual tersebut supaya dilelong. Namun, saya tidak bersetuju supaya lukisan tersebut dilelong sesuka hati dan dijual murah. Saya lebih berminat untuk jadikan lukisan tersebut sebagai aset persatuan. Oleh itu, lukisan yang tidak laku itu kita simpan baik-baik sebab kita percaya lukisan yang baik itu nanti akan harga dan nilainya. Namun, pergorbanan untuk menjaga karya tersebut adalah satu kerja yang berat. Alhamdulillah, ada sumber-sumber yang datang tolong hasil daripada kertas kerja akhir saya. Karya potret saya yang terjual bernilai RM10,000 boleh menampung perbelanjaan untuk 5 bulan akan datang. Lebihan hasil bayaran lukisan boleh digunakan untuk membayar hutang-hutang.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

**NAN :** Sekarang kita beralih kepada pengalaman kerjaya awal encik sebelum menjadi pelukis. Dari segi pekerjaan pertama encik sebelum terlibat dengan lukisan. Encik boleh senaraikan kerja-kerja yang encik lakukan sebelum menjadi pelukis dan pada waktu lapang apa yang encik pilih untuk lakukan. Selain itu, pada zaman sekolah adakah encik menyertai apa-apa pertandingan? Apakah kemenangan terbesar encik ketika bertanding?

**SH :** Baiklah. Keluarga saya orang berniaga. Pengalaman saya dari zaman sekolah ialah pergi hantar kuih, dapatlah upah 10 sen je bawa bekal sekolah, pergi sekolah jalan kaki. Kemudian, pada masa itu juga, saya cuba berniaga kecil-kecil seperti jual air buah. Semasa saya di tingkatan 1, saya mula bekerja mencari duit. Pada mulanya, saya bekerja tolong menangkap ikan. Dulu di Pekan, di kampung saya, dalam tahun 1967 nelayan pada waktu petang akan pulang bawa balik ikan. Pada waktu itu juga, teknologi enjin motobot dah mula keluar. Ikan-ikan ini dijual kepada tauke-tauke Cina. Rumah sewa saya di kampung itu dekat dengan rumah tauke Cina ini. Dia ada pusat membeli ikan-ikan dan eksport ikan tersebut ke Singapura.

Maka, kerja saya pada hari Sabtu dan Ahad pergi menunggu bot sampan dan menolong meletakkan ikan dalam raga kemudian letak dalam roda tiga bawa raga ikan tersebut ke stor penyimpanan. Di stor tersebut, terdapat proses pemecahan ais batu kerana pada ketika itu tiada mesin lagi. Semua bahagian tersebut saya terlibat sama. Pada waktu petang hari yang tidak bersekolah, saya pergi menunggu ikan. Dapatlah upah dalam RM1, 50 sen, dan 70 sen begitu bergantung kepada jumlah ikan yang dibawa pulang oleh nelayan. Itu adalah salah satu pengalaman saya. Ketika di tingkatan 4, saya berpindah ke rumah sepupu saya di bandar Kuantan berhadapan dengan Chartered Bank. Saya tolong menjual buku, majalah, surat khabar dan novel di situ. Bermula daripada situ jugalah, saya berjumpa dengan rakan-rakan pelukis yang lain. Sepupu saya adalah seorang pelukis, maka dialah antara orang yang terawal yang membuat saya bercambah minat terhadap lukisan. Dialah yang banyak mendorong saya terlibat dengan lukisan. Pengalaman saya banyak dari segi pekerjaan jual menjual. Saya juga berminat dalam persatuan. Ketika di sekolah rendah sehingga menengah, saya menyertai pasukan Pengakap. Saya pernah menjadi pemimpin kecil

dalam aktiviti pengakap. Saya banyak menyertai perkhemahan, masuk hutan, mendaki bukit, *campfire* dan membuat persembahan.

Apabila dah habis sekolah, emak saya berpatah balik tinggal di Pekan. Pada tahun 1971, Pekan dilanda banjir besar. Selepas banjir, saya pergi merantau ke Kuala Lumpur. Di sana, saya berjumpa dengan seorang pelukis di jalan-jalan Masjid India. Dari situ, saya mula menolong beliau sikit-sikit. Pada ketika itu, saya duduk jauh di Ulu Klang. Saya jalan kaki dari Ulu Klang ke *Malacca Streets*. Sebelum itu, ketika habis peperiksaan SPM 1970, saya pernah bekerja dengan Osman Limat untuk membuat satu *advertising* tauke Cina perempuan. Saya banyak belajar teknik-teknik *advertising* pada ketika itu seperti buat signboards dan *murals* di dinding-dinding.

Ayah saya seorang peniaga. Dia nak saya terlibat dalam perniagaan dan usahawan. Saya boleh berniaga tetapi saya nak menjadi seorang pelukis. Jadi, kami tidak bersefahaman di situ. Namun dalam keadaan begitupun, saya masih pergi menolong menjaga kedai runcit ayah saya dan berniaga apam balik di Taman Kerang dulu. Saya turut buat jualan barangan lelong seperti pinggan mangkuk, pisau dan sudu-sudu di bawah pokok. Ketika itu, saya melukis sebagai hobi dan minat. Pada mulanya, saya tiada cita-cita untuk menjadi seorang pelukis pun namun melukis itu sentiasa ada dan sehati dengan diri saya. Sambil-sambil berniaga pun, tangan saya tak duduk diam ada je perkara yang nak dilukis atau diconteng. Minat saya yang lain, yang sentiasa bersama dengan saya ialah menyanyi. Saya suka menyanyi dan mula belajar main gitar. Tapi sekarang saya dah lama tinggal. Tapi lagu-lagu 1960-an dan 1970-an saya masih boleh ingat. Saya pernah menang dalam pertandingan *Talentine* diperingkat negeri dan sekolah. Saya pernah menyanyi di Radio Pahang. Kemudian, pertandingan awal saya dalam lukisan adalah ketika di zaman persekolahan iaitu di tingkatan 5. Saya menyertai pertandingan melukis di peringkat sekolah menengah dan saya mendapat tempat kedua. Kemudian, di Kelantan semasa saya di Adabi, terdapat juga pertandingan. Pertandingan tersebutlah yang menjadi titik tolak saya terlibat dalam lukisan.

Secara ringkasnya, ketika di Kelantan saya sudah ada sebuah kedai di pasar besar, iaitu kedai runcit. Ayah saya seorang peniagakedai runcit maka dia suruh saya untuk terlibat sama. Ketika di hujung tahun semasa di

tingkatan 6, ada sebuah pertandingan dan saya mendapat tempat kedua juga. Apabila tangan mula melukis, saya mula ralit sehingga mula melukis di tepi jalan bandar Kota Bharu. Yang terakhir saya masuk pertandingan adalah pertandingan Sejarah Pahang 2, saya buat gambar Pekan pada tahun 1800 dan mendapat tempat ketiga.

Selepas saya balik dari Kelantan pada tahun 1975, saya keluar menjadi pelukis di kawasan Stesen bas Kuantan pada ketika itu. Bermula daripada tahun 1973, saya tumpukan perhatian kepada seni lukisan dan budaya. Penghargaan yang paling tinggi yang pernah saya dapat dari kerajaan negeri ialah Pingat Jasa Kebaktian antara bakat dan sumbangan saya yang diiktiraf pada tahun 2003.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: KEMAHIRAN

**RR : Seterusnya kita beralih kepada kemahiran encik dalam bidang lukisan, apakah perbezaan karya cat air cat minyak, pensil dan pestal?. Antara lukisan potret dan lansdkap, yang mananakah mendapat permintaan yang lebih tinggi?**

**SH :** Setiap bahan mempunyai cara dan kesannya sendiri. Cat air adalah media nya dari air, cat minyak adalah minyak dan pestal dari kapur jadi semua bahan mempunyai fungsi masing-masing. Ada yang suka cat air, sekarang ini di Malaysia sangat popular dengan cat air dalam kalangan orang-orang muda sehingga terwujudnya "cat air gang". Kemudian berkaitan tentang popular adalah lebih kepada cat minyak tetapi media baru yang popular adalah akrilik. Akrilik adalah lebih muda dan kesannya macam painting yang lebih berasaskan air. Kalau menggunakan cat minyak, yang boleh buat impostor tebal dan sebagainya. Antara landskap dan potret pula, apa yang saya lihat adalah potret yang lebih popular. Sebagai contoh, di Bukit Bintang, Teluk Cempedak dan di merata-rata negeri sekarang ada pelukis-pelukis potret.

Kebanyakan potret dilukis dalam *live*, dimana ramai yang menggunakan pensil, charcoal ataupun pestal. *Live* maksudnya model duduk dihadapan dan pelukis melukis model tersebut dalam waktu tertentu. Live potret biasanya mengambil masa yang pantas untuk disiapkan kecuali untuk



tempahan yang mana mengambil masa untuk disiapkan. Bahan terpulang kepada pelanggan dan pada harga juga kerana setiap bahan mempunyai harga sendiri. Lanskap juga banyak dilukis kerana ramai pelukis yang mula terjun ke dalam bidang lukisan landskap ini. Jadi konklusinya, bagi saya lukisan lanskap lebih mendapat perhatian dalam masyarakat umum kerana mudah difahami dan dikenali.

**RR : Baiklah untuk soalan seterusnya, bagaimana encik mendapat idea/ilham untuk menghasilkan sesuatu lukisan dan apakah mesej yang ingin encik sampaikan melalui lukisan?**

**SH :** Idea lukisan berbeza kalau dari segi tempahan, mereka akan bagi contoh gambar untuk dilukis tetapi kalau dalam lukisan yang dilukis, pelukis memang memerlukan ideanya sendiri. Sebagai contoh kalau saya, bilamana ada sesuatu peristiwa yang boleh menyentuh pemikiran saya untuk melukis sesuatu. Jika peristiwa itu kuat dan boleh menyebabkan saya ingin menzahirkan suatu karya samada saya mengulas, merakan peristiwa itu atau sebagainya. Selalunya saya melukis untuk karya saya, saya akan mencari simbol-simbol, imej-imej yang dapat dikaitkan dengan peristiwa tersebut. Sebagai contoh karya yang terbaru adalah "percaturan belum selesai". Dari segi peristiwanya adalah tentang politik yang masih kelam kabut. Tak semua idea yang dapat saya ungkapkan melalui lukisan, ada juga yang hanya bermain di dalam fikiran sahaja. Maka idea untuk melukis itu datangnya dari suatu peristiwa atau pertemuan yang mengusik perasaan saya sendiri.

**RR : Berapakah koleksi lukisan yang telah dihasilkan sehingga kini?**

**SH :** Lukisan yang pernah dilukis tak terkira banyaknya tapi kalau dicampur ada beratus dalam tangan tapi jika dikira dari mula melukis sudah beribu-ribu lukisan yang telah dilukis oleh saya. Untuk karya surelism saya sendiri sudah hampir menuju seratus buah lukisan tapi agak perlahan kerana karya surelism mengambil masa untuk dilukis. Surealisme lebih menceritakan tentang luahan rasa, ruang, tekstur dan lebih kepada lukisan 3D, jadi ianya memang mengambil masa yang panjang untuk disiapkan.

**RR : Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan lukisan dan berapa banyak lukisan yang dapat dihasilkan dalam sebulan?**

**SH :** Pada akhir-akhir ini saya hanya melukis jika saya rasa sihat dan kuat. Misalnya kalau saya melukis *live* potret, saya akan menyiapkan dalam waktu yang ditentukan. Saya juga mengambil kira bahan-bahan yang digunakan untuk melukis contohnya macam cat minyak. Jika menggunakan bahan cat minyak dan perlu disiapkan dalam masa terdekat tu saya tak dapat buat. Contoh kalau ada yang tempah lukisan yang lebih kepada “express perasaan”, mungkin saya akan buat dalam masa yang ditetapkan tapi kalau secara surelism yang menggunakan cat minyak, saya akan mengambil masa yang panjang untuk menyiapkannya. Paling kurang masa yang diambil adalah 2 minggu tapi tu untuk karya yang kecil. Kalau yang besar perlukan masa sebulan untuk disiapkan.

**RR : Berapakah harga lukisan yang paling mahal yang pernah dijual dan apakah ciri lukisan yang mahal dan kenapa ianya mahal?**

**SH :** Karya saya yang termahal berharga RM 42,000 iaitu karya surelis ketika saya belajar di USM pada tahun 1981. Karya itu dijual pada tahun 2015 oleh Balai Lukis Negara, jadi ia mengambil masa 33 tahun untuk dijual. Harga yang kedua tertinggi adalah RM35,000 sewaktu saya buat pameran di Johor di mana sultan yang membeli lukisan saya yang bertajuk “Hilang Dalam Kabus” yang menceritakan tentang Sumatera yang tidak pupus. Jualan paling besar adalah RM100,000 lebih. Harga tinggi kerana masa untuk memikirkan tentang apa yang hendak dilukis. Karya yang dilukis oleh saya akan dinaikkan harga selepas setahun. Tengok juga pada lukisan yang dilukis, jika lukisan besar akan dinaikkan harga kepada RM1,000 dan untuk karya yang kecil akan dinaikkan harga sehingga RM 100 atau RM200. Karya pertama yang dijual tu tajuk “sarapan pagi” dan selama 33 tahun saya lukis tu pada mulanya karya itu dijual pada harga RM5,000 kemudian dinaikkan selama RM1,000 setiap tahun.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENGALAMAN**

- RR** : Baiklah, kita sudah selesai soal jawab tentang kemahiran, jadi kita berbalik kepada pengalaman sepanjang encik menjadi seorang pelukis. Boleh encik kongsi pengalaman manis, pahit sebagai seorang pelukis.
- SH** : Pengalaman pahit saya dulu, saya memang minat melukis sedari kecil lagi. Pada suatu hari tu saya sedang melukis dan nenek saya kata kalau lukis orang ni boleh mati, jadi saya takut tapi disebabkan minat saya dalam bidang lukisan ni dan guru-guru di sekolah pun menggalakan saya untuk melukis, saya teruskan sahaja. Kepercayaan nenek saya tentang melukis "orang" boleh membawa maut adalah sangat panjang sehingga saya masuk ke Universiti pun nenek saya masih dengan kepercayaan dia terhadap perkara tersebut. Konflik tentang melukis orang membawa maut itu keluar dalam akhbar dan mufti negara pada masa itu pernah mengeluarkan kenyataan tentang pelukis potret ni berdosa dan saya pun jadi takut dan risau. Saya tanya pendapat orang lain, kepada orang-orang yang beragama tentang potret orang, semua bergantung kepada tujuan lukisan itu sendiri. Saya pernah jumpa dengan seorang ustaz dan melukis potret tentang anaknya pada tahun 70-an. Sebuah lukisan kaabah yang diminta oleh ustaz itu sendiri dan gambar potret anak perempuannya. Jadi saya pun bertanya tentang pandangan ustaz itu mengenai melukis potret orang ni boleh membawa maut lalu ustaz itu menjawab zaman sekarang ni pun semua orang ada gambar mereka sendiri. Ia semua bergantung kepada niat sendiri iaitu jangan ada pemujaan untuk gambar itu. Saya pernah jalan kaki pergi ke Kuala Lumpur, jumpa pelukis dan bantu dia buat kerja, bancuh dan cuci water colour dia, angkat lukisan dan hantar lukisan dia. Colour yang lebih tu baru boleh saya gunakan sebab masa tu nak beli tak ada duit lagi. Masa belajar di USM, saya meninggalkan isteri dan anak yang baru lahir untuk menyambung pelajaran. Waktu tu saya mengajar tu diberi cuti tanpa gaji dan waktu tu saya baru kahwin. Gaji kecil dan cuti tanpa gaji selama setahun sebab sambung pengajian. Sewaktu sambung belajar di Universiti, saya tak ditawarkan biasiswa dan kena hidup berdikari untuk bayar sewa dan hantar duit ke kampung. Ada suatu ketika tu saya hanya beralaskan perut minum air kosong je sebelum ke kelas, nak naik bas ke Universiti takde duit dan terpaksa jalan kaki ke kampus. Setelah melalui pahit getir, kenangan manis saya ialah saya

telah berjaya menubuhkan persatuan seni lukis Pahang dan saya berjaya mengumpulkan persatuan seni lukis Malaysia. Hasilnya sekarang pelukis-pelukis Malaysia telah berkembang dalam bidang lukisan mereka sendiri.

**RR : Untuk soalan setersunya, apakah pameran seni dan pameran terbesar yang pernah encik sertai sepanjang menjadi pelukis?**

**SH :** Saya mula mempamerkan karya di pameran kecil di peringkat daerah/negeri pada awal tahun 70 an. Saya jadi ahli persatuan di Kelantan, setiap hadir pameran seperti itu saya rasa seronok. Antara pameran yang terbesar yang saya anjurkan adalah pameran ekspresi budaya Endau Rompin. Kami masuk ke dalam hutan orang asli di Kampung Peta di Endau Rompin, kumpulkan seluruh pelukis seluruh Malaysia seramai 30 orang lebih dan berkumpul di hutan untuk berkarya dan apabila pulang masih lagi berkarya sehingga 6 bulan kemudian kami pameran karya tersebut di Mall dan dirasmikan oleh Menteri Johor. Pameran itu adalah pameran paling terbaik yang pernah saya anjurkan dengan sambutan orang-orang ternama dan Menteri Besar yang sangat menghargai karya seni.

**RR : Pernahkah encik mendapat tempahan lukisan dari orang-orang yang ternama?**

**SH :** Ada banyak tempahan dari menteri-menteri tapi di Pahang karya-karya saya banyak juga yang berada di istana. Pada awal pulang ke Kuantan pada tahun 83 sehingga kini kalau dikira yang telah terjual di istana ialah lebih dari 10 karya di istana Pahang.

**RR : Pernahkah encik terpilih untuk menjadi pelukis di Balai Seni Visual Negara?**

**SH :** Tidak, saya tidak pernah menjadi pelukis di situ tapi pernah dipelawa untuk mempamerkan karya saya pada tahun lepas tapi disebabkan covid ni taktahu bila pula jadi untuk meletakkan karya saya di situ. Banyak program-program yang diadakan di Balai Seni visual Negara kerana saya ada contact yang kuat dengan balai seni tersebut. Selain program di balai, ada juga program yang kami sendiri anjurkan di balai contohnya seperti mesyuarat Agong, mengadakan aktiviti di perkarangan balai sempena menyambut hari seniman. Program besar yang pernah diadakan ialah kami pernah bersama Kementerian Pelancongan pada tahun 2013 iaitu program Art Tourism. Saya dahulu adalah pemimpin GAPs iaitu Gabungan Persatuan Pelukis seMalaysia

yang dirasmikan pada tahun 2007 dan sekarang dah 14 tahun ditubuhkan.

**RR :** Baiklah, dari segi pengalaman encik sebelum ni, encik pernahkah menghadiri khusus yang berkaitan dengan lukisan dan berapakah harga untuk mengikuti khusus tersebut?

**SH :** Saya tak banyak mengikuti khusus tapi antara khusus yang pernah diikuti adalah khusus seni kreatif di USM setahun tahun 81-82. Yurannya adalah sebanyak RM1,600 untuk yuran tahunan, kemudian yuran studio tu saya tak ingat dan makan minum tu saya punya keluaran sendiri lah. Khusus tersebut adalah antara khusus yang pernah diikuti oleh saya secara rasmi. Dari situlah saya dapat banyak pengetahuan, pelajaran dan sejarah-sejarah seni. Pengalaman seni saya banyak berbentuk keilmuan daari situ, dapat berbincang dengan kawan-kawan dan pensyarah. Saya juga pernah mengadakan bengkel. Untuk peringkat awal saya mengadakan bengkel percuma kerana saya khaskan untuk melahirkan pelukis percuma dan dibayar oleh Jabatan Kebudayaan iaitu sebanyak RM180 elaun sebulan dan 2 kali seminggu kami pergi mengajar. Bengkel yang saya buat sendiri kepada yang betul-betul berminat pada tahun 80 an. Yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM180 sekepala dalam 4 orang murid sahaja.

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

### **BAHAGIAN 6: PENGALAMAN KERJA**

**RR :** Baiklah sekarang kita beralih kepada pengalaman kerja encik. Boleh kami tahu sebelum encik menjadi seorang pelukis, apakah kerja encik?

**SH :** Selepas keluar sekolah pada tahun 1970 selepas SPM, saya membantu kawan saya melukis di Kuala Lumpur dan ayah saya ada membuka syarikat perniagaan runcit dan borong di Bandar Kuantan. Saya diminta oleh saya untuk menguruskan perniagaan tersebut, saya hanya pulang sekejpa sahaja untuk membantu ayah saya tinggalkan dan pulang ke Kuala Lumpur semula. semasa di Kuala Lumpur saya ikut kawan saya melukis tapi pada masa itu tak berapa pandai sangat melukis. Saya juga membuat part timr dengan berniaga barang-barang stainless steel macam sudu, garpu dan sebgaianya.

Masatu baru popular keluar. Saya berniaga di Chow Kit Road dan balik dari berniaga saya simpan barang-barang jualan saya di tempat kawan saya. Malam saya buka meja dan berniga di situ untuk mencari makan sepanjang ada di Kuala Lumpur.

**RR : Kami diwar-warkan tentang pembukaan galeri encik dalam bidang ni. Boleh encik ceritakan sedikit tentang pembukaan galeri encik? Tujuan galeri ditubuhkan, bilakah galeri mula beroperasi dan pernahkah galeri tersebut mendapat kinjungan dri orang ternama?**

**SH :** Galeri saya ditubuhkan pada tahun 2007 selepas GAPS ditubuhkan. Galeri ditubuhkan kerana saya rasa dengan adanya galeri, segala kegiatan seni dapat dipamerkan tanpa menyewa di tempat lain. kalau sewa ditempat lain kena keluarkan duit juga untuk menyewa.

**RR : Berapakah beyaran yang dikenakan untuk melawat galeri encik?**

**SH :** Setakat ini saya tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada orang, cuma bayaran dikenakan kalaukami ada mengadakan bengkel sahaja tapi nak datang kena berhubungan dengan saya dahulu sebab saya tidak ada pekerja sendiri.

**RR : Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk ke galeri?**

**SH :** Saya mengambil masa selama 20-30 minit sahaja untuk sampai ke galeri.

**RR : Apakah yang dimaksudkan oleh SENIKA?**

**SH :** SENIKA adalah ringkasan untuk Persatuan Senilukis dan senireka Melayu Pahang. Pada masa itu keahlian terbuka untuk semua bangsa seperti cina, india dan sebagainya. Pada tahun 2006, kami tukarkan dengan menjadikan Persatuan Melayu Negeri Pahang kerana bangsa lain tidak berminat dengan persatuan kami. Mereka hanya berminat untuk menghantar pameran sahaja. Pengerusi SENIKA itu ialah saya sendiri, saya pengerusi kedu dan pengerusi pertama telah meninggal dunia.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN**

- RR :** Baiklah, kita teruskan dengan sumbangan encik dalam bidang lukisan ini. Apakah sumbangan encik dalam perpaduan dan sumbangan yang encik telah jayakan demi menaikkan nama seni tanah air?
- SH :** Perpaduan tu tidak ada tapi melalui pertandingan kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah dan pertandingan terbuka ditubuhkan untuk seluruh bangsa. Secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan sesama mereka. Sekarang ni ramai yang melukis mural. Mural yang dilukis tu mencantikkan lagi bangunan-bangunan di bandar.
- RR :** Bagaimana encik mempromosikan program yang akan dianjurkan dan sosial media apa yang digunakan untuk mempromosikan program tersebut?
- SH :** Sekarang ni guna media tapi dulu guna surat menyurat untuk mempromosikan program. Sebelum mempromosikan, kita harus tahu dulu apa program yang hendak dianjurkan, objektif program seperti kertas kerja. Biasanya media sosial yang digunakan untuk mempromosikan program ialah Facebook. Ada juga berkongsi dengan kawan-kawan untuk saling mempromosikan supaya lebih ramai orang tahu tentang program yang hendak dianjurkan.

## **TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8: HARAPAN**

- RR :** Baiklah, sekarang kami ingin bertanyakan tentang harapan encik. Apakah harapan encik terhadap lukisan pada masa akan datang dan harapan agar generasi akan datang lebih berminat dalam bidang seni?
- SH :** Harapan saya semestinya besar untuk bidang lukisan ni, saya nak tengok semua pelukis dalam negara kita ni berkembang dengan subur yang mana kemakmurannya melimpah pada lukisan dan masyarakat. Saya berharap agar masyarakat percaya agar hasil seni lukis adalah suatu pelaburan kerana bila seorang individu yang mula yakin bahawa seni itu satu pelaburan, mereka tentu sanggup melabur untuk membeli sebuah lukisan. Seorang pelukis pula saya berharap mereka dapat meningkatkan sedaya upaya untuk

berjaya tapi untuk yang bakal jadi pelukis ni saya berharap agar mereka menjadi yang lebih baik. Banyak perubahan yang berlaku termasuk dari segi cita rasa, kehendak dan sebagainya. Jadi, seorang pelukis terikat juga kepada pilihan ataupun tujuan. Sebagai seorang pelukis yang mencari makan, mereka perlu juga memahirkan diri mereka dalam bidang mereka sendiri. Contohnya, seseorang itu melukis potret, maka dia perlu mahirkan diri mereka dalam lukisan potret, lebih mahir lebih bagus. Sekarang banyak teknologi media harini yang mendedahkan segala macam teknik melukis hanya di hujung jari sahaja. Mereka boleh meningkatkan kemahiran mereka sendiri dengan menonton video tentang cara-cara melukis. Seni juga menuntut bukan sahaja dengan jualan tapi seni juga menuntut sesuatu idea pemikiran. Jadi maksudnya seorang yang ingin menjadi seorang pelukis, dia hendaklah banyak belajar, banyak membaca, banyak bertemu pelukis-pelukis yang lama untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman orang lama. Memang sukar untuk menanam minat dalam diri seseorang untuk menjadi seorang pelukis tetapi seseorang yang ingin berjaya harus membuat perkara yang mereka suka.

### **TAMAT BAHAGIAN 8**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Shaimi sepanjang berkhidmat sebagai seorang pelukis dari tahun 1968 hingga tahun ini, 2021. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lukisan. Sekian, terima kasih.



# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Encik Mohd Shaimy Bin Hashim yang bertujuan menceritakan mengenai latar belakang dan perjalanan hidupnya.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.07	Menceritakan tentang nama penuh	Mohd Shaimy Bin Hashim
0.14	Menceritakan mengenai tempat dilahirkan	Kampung Panchur, Pekan
0.27	Menceritakan tentang pengajian pertama sehingga tamat pengajian	Sekolah Kebangsaan Pekan, Universiti Sains Malaysia
5.07	Menceritakan tempat bermula melukis	Di bawah pokok Medan Pelancong, Kuantan
6.28	Menceritakan tentang penyertaan beliau dalam Persatuan Pelukis Kelantan	Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI)
6.50	Menceritakan pemilihan bidang beliau sewaktu di Universiti	Seni Halus
9.56	Menceritakan tentang matlamat penubuhan persatuan Pahang	Persatuan SENIKA
14.57	Menceritakan tentang jenis aliran lukisan	Romantisme, naturalisme, realisme, surealisme
<b>BAHAGIAN 2: PEMBUKAAN GALERI</b>		
42.05	Menceritakan tentang galeri yang ditubuhkan	Rumy Art Studio, Mutiara Musafir, MMS Studio, Galeri 24, Studio Taj, SENIKA
1.14.12	Menceritakan penubuhan persatuan sehingga kini	Persatuan SENIKA
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL</b>		
1.20.08	Menceritakan tentang kerjaya awal	Berniaga kecil-kecilan

1.21.05	Menceritakan tentang pekerjaan selepas tamat pengajian	Membuat <i>advertising</i> , berniaga di kedai runcit
1.23.09	Menceritakan tentang minat	Melukis, menyanyi dan bermain gitar
1.23.58	Menceritakan tentang penyertaan dalam pertandingan	Pertandingan Sejarah Pahang 2
1.24.08	Menceritakan anugerah yang diperoleh dalam pertandingan	Pingat Jasa Kebaktian (2003)
<b>BAHAGIAN 4: KEMAHIRAN</b>		
1.37.00	Menceritakan tentang perbezaan jenis-jenis karya	Cat air, cat minyak, pensil dan pastel
1.43.05	Menceritakan bagaimana idea terhasil untuk melukis sesuatu karya	Peristiwa yang meyerentuh perasaan tokoh
1.51.50	Menceritakan jangka masa untuk menghasilkan sesuatu lukisan	Mengikut jangka masa yang ditetapkan oleh pelanggan
1.54.32	Menceritakan tentang harga karya yang paling mahal pernah dijual	Universiti Sains Malaysia
2.28.54	Menceritakan tentang karya yang dijual kepada golongan atasan di Pahang	Istana Pahang
2.30.00	Menceritakan tentang program yang pernah dianjurkan	Balai Seni Negara
2.30.23	Menjadi host untuk program "Art Tourism"	Kementerian Pelancongan
<b>BAHAGIAN 5: PENGALAMAN</b>		
2.06.38	Menceritakan tentang mentaliti	Kampung Panchur, Pekan
2.11.47	Menceritakan tentang pengalaman mencari kerja	Kuala Lumpur
2.12.33	Menceritakan tentang pengalaman menyambung pelajaran	Universiti Sains Malaysia

<b>2.12.44</b>	Menceritakan tentang kejayaan menubuhkan persatuan	SENIKA
<b>2.32.43</b>	Menceritakan tentang mengikuti khusus lukisan	Universiti Sains Malaysia
<b>2.34.04</b>	Menceritakan tentang bengkel percuma yang dilaksanakan kepada pelukis muda	Kementerian Jabatan Kebudayaan
<b>BAHAGIAN 6: PENGALAMAN KERJA</b>		
<b>2.36.38</b>	Menceritakan tentang kerja sambilan (berniaga)	Jalan Chow Kit
<b>2.38.30</b>	Menceritakan tentang kepayahan hidup	Ulu Klang
<b>BAHAGIAN 7: SUMBANGAN</b>		
<b>2.59.33</b>	Menceritakan tentang program pertandingan	Sekolah Rendah, Sekolah Menengah
<b>3.00.36</b>	Menceritakan tentang pelukis muda	Teluk Cempedak, Kuantan
<b>3.01.22</b>	Menghiasi, mencantikkan Bandar Kuantan	Lukisan mural
<b>3.01.55</b>	Menceritakan tentang penubuhan persatuan negara	GAPs (Gabungan Persatuan Pelukis se Malaysia)
<b>3.08.03</b>	Menceritakan tentang anugerah terbesar yang pernah diperolehi	Majlis Peringkat Negeri, Jabatan Kebudayaan Negeri
<b>BAHAGIAN 8: HARAPAN</b>		
<b>3.20.16</b>	Menceritakan tentang harapan pada masa akan datang	Generasi muda, pelukis muda

## DIARI KAJIAN

<b>MASA</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
8-10 pagi	27 OKT 2020	Kami telah dimaklumkan oleh Madam Annisa untuk menyiapkan satu kertas kerja berkaitan seorang tokoh dengan menetapi kriteria yang diperlukan.	Mencari dan berbincang tentang beberapa tokoh yang dijumpai
9 malam	5 NOV 2020	Menghantar proposal berkaitan tokoh untuk mendapatkan persetujuan daripada madam dan madam memberitahu kami perlu mencari keistimewaan tokoh tersebut.	Berbincang dan mencari keistimewaan tokoh dan menghantar proposal baharu
10-10.30 pagi	10 NOV 2020	Mendapatkan nombor telefon tokoh dan menghubungi beliau untuk bertanyakan kesudian beliau untuk ditemu ramah.	Mendapat persetujuan untuk ditemu ramah
11-11.30 pagi	18 NOV 2020	Berbincang untuk mengesahkan tarikh dan tempat untuk ditemu ramah	Dapat mengetahui tarikh dan lokasi untuk menemu ramah
12 - 12 tengah hari	26 NOV 2020	Proposal diterima kemudian perlu menyiapkan bahagian preliminary	Menyiapkan dan menghantar preliminary tersebut
10 pagi	6 DIS 2020	Menyenaraikan beberapa soalan untuk ditemu ramah dan mendapatkan persetujuan Madam Annisa	Berbincang berkaitan soalan yang akan ditemu ramah dan membetulkan kesalahan
11.20 pagi	7 DIS 2020	Menunjukkan semula soalan yang telah dibetulkan kepada Madam Annisa	Mendapat kelulusan untuk meneruskan sesi temu ramah dan mengemukakan soalan tersebut terlebih dahulu kepada tokoh sebagai persediaan.
10 - 10.10 pagi	31 DIS 2020	Menghubungi tokoh untuk memastikan tarikh dan lokasi	Mengingati tokoh akan sesi temu ramah yang akan dijalankan
10 pagi-1petang	4 JAN 2021	Pergi ke galeri tokoh untuk sesi temu ramah	Menemu ramah tokoh bagi menjawab separuh daripada soalan yang dikemukakan.

2.30- 5.00 petang	27 JAN 2021	Menyambung sesi temu ramah di aplikasi Zoom.	Keseluruhan soalan berjaya di temu ramah
3-5 petang	31 JAN 2021	Menyediakan satu transkrip yang dijalankan sewaktu sesi temu ramah	Berbincang untuk membahagi tugasan antara kumpulan

# **SENARAI SOALAN**

## **RANGKA SOALAN TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SHAIMY BIN HASHIM**

Assalamualaikum encik, berkenaan **latar belakang** encik,

1. Apakah nama sebenar encik?
2. Berapakah umur encik?
3. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
4. Dimanakah kini tempat tinggal encik?
5. Boleh encik ceritakan secara ringkas tentang salasilah keluarga encik seperti nama isteri, nama anak dan juga berapa bilangan anak?

Baiklah, kita beralih pula kepada **sejarah pendidikan** encik,

6. Apakah cita cita encik sebelum menjadi seorang pelukis?
7. Apakah bakat yang dimiliki encik selain melukis?
8. Apakah tahap pendidikan encik?
9. Bolehkah encik ceritakan latar belakang pendidikan awal encik?
10. Apakah kejayaan akademik yang pernah encik perolehi sewaktu di bangku sekolah rendah?
11. Apakah pula kejayaan akademik yang pernah encik perolehi sewaktu di bangku sekolah menengah?
12. Seterusnya encik melanjutkan persekolahan menengah di mana?
13. Semasa berada di tingkatan, apakah aliran subjek yang encik ambil?
14. Dimanakah encik menyambung pelajaran selepas tamat SPM?
15. Apakah kursus yang diambil semasa berada di Universiti?
16. Berapa tahun masa yang diambil untuk menghabiskan pelajaran di peringkat Universiti?
17. Pada tahun berapakah encik melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti?
18. Berapakah jumlah kos untuk pembelajaran encik sepanjang di Universiti?

Seterusnya, kami ingin bertanya serba sedikit mengenai **pengalaman kerjaya awal** encik sebelum menjadi pelukis,

19. Apakah pekerjaan pertama encik sebelum terlibat dalam bidang melukis ini?
20. Bolehkan encik senaraikan kerja-kerja yang encik pernah lakukan?



21. Sewaktu lapang, apakah yang encik lakukan?
22. Pernahkah encik menyertai pertandingan semasa di sekolah dulu?
23. Apakah kemenangan terbesar sepanjang encik menyertai pertandingan tersebut?

Baiklah, sekarang kita teruskan dengan **kerjaya seni**,

24. Berapa lamakah encik dalam bidang ini?
25. Dari manakah encik mula minat terhadap dunia lukisan?
26. Siapakah yang sering memberi galakan terhadap minat encik dalam seni?
27. Apakah profesion encik sebelum menjadi pelukis?
28. Apakah jenis lukisan yang encik minat ?
29. Apakah yang menjadi inspirasi kepada encik untuk meneruskan bidang karya lukisan ini ?
30. Bilakah encik mula menyedari bakat melukis?
31. Bagaimanakah bakat itu dipupuk?
32. Aliran jenis apa yang selalu dilukis oleh encik?

Baiklah, mengenai **perjalanan hidup** encik sepanjang bergelar seorang pelukis,

33. Dimanakah tempat pertama yang encik pilih untuk memperkenalkan karya encik ?
34. Bagaimanakah encik menguruskan masa dengan menggalas dua jenis pekerjaan ?
35. Kini dimanakah tempat untuk encik menghasilkan lukisan ?
36. Apakah yang encik lakukan jika terlalu banyak permintaan lukisan?
37. Bagaimanakah encik dapat membuka banyak galeri seni?
38. Berapa buah galeri seni yang telah dibuka?
39. Adakah semua lukisan yang ada di galeri tersebut dilukis oleh encik sendiri?
40. Bagaimanakah dengan lukisan yang tidak terjual?
41. Bagaimanakah encik dapat menyertai SENIKA?

Seterusnya kita beralih kepada **kemahiran** encik dalam bidang lukisan,

42. Apakah pembezaan karya dari media cat air, cat minyak, pensil, pestal dan beberapa cetakan?

43. Antara lukisan potret dan lanskap, yang manakah mendapat permintaan yang tinggi?
44. Encik menumpukan karya lukisan dari aspek yang bagaimana?
45. Darimanakah ilham/idea untuk menghasilkan lukisan?
46. Apakah mesej yang encik sampaikan melalui lukisan?
47. Berapakah koleksi lukisan yang telah dihasilkan sehingga kini?
48. Berapa banyakkah lukisan yang dilukis dalam sebulan ?
49. Berapa lama masa diambil untuk menghasilkan satu lukisan?
50. Berapakah harga lukisan yang paling mahal?
51. Apakah ciri lukisan yang mahal?
52. Berapakah harga lukisan termurah yang encik hasilkan?
53. Bagaimanakah cara untuk membezakan lukisan mahal dan lukisan murah?
54. Berapa jenis style lukisan yang encik mahir ?
55. Apakah jenis lukisan yang paling diminati ?
56. Mengapakah cara lukisan tersebut menjadi pilihan encik?
57. Apakah yang encik titikberatkan sewaktu menghasilkan sebuah lukisan ?

Baiklah encik, mengenai **pengalaman** sepanjang encik menjadi seorang pelukis,

58. Boleh encik kongsi pengalaman encik selama berkhidmat dalam bidang ini?
59. Apakah kenangan manis sehingga ke hari ini?
60. Bagaimana pula dengan kenangan pahit sebagai pelukis?
61. Bagaimanakah encik mengatasi masalah berkaitan lukisan?
62. Berapakah modal untuk menghasilkan sebuah lukisan yang terlihat realistik ?
63. Antara pameran seni yang pernah encik sertai?
64. Apakah pameran terbesar yang pernah disertai sepanjang menjadi seorang pelukis?
65. Pernahkah encik mendapat tempahan lukisan dari orang-orang ternama?
66. Apakah khusus yang pernah encik hadiri?
67. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk mengikuti khusus bidang lukisan?
68. Bagaimanakah encik terpilih untuk menjadi pelukis di Balai Seni Visual Negara?
69. Apakah lukisan pada waktu itu yang menjadi tarikan?

Baiklah, mengenai **pengalaman kerja** encik sebelum menjadi pelukis, boleh encik ceritakan sedikit tentangnya. Jadi,

70. Berapa tahun berkhidmat dalam bidang pekerjaan tersebut?
71. Bagaimana boleh bertukar kerjaya?
72. Bilakah encik dilantik menjadi pengerusi SENIKA dan Galeri Pantai Timur?

Seterusnya, kami diwar-warkan tentang **pembukaan galeri** encik sepanjang terlibat dalam bidang ini. Jadi kami ingin bertanya sedikit tentangnya.

73. Apakah tujuan galeri ditubuhkan?
74. Bilakah Galeri Pantai Timur mula beroperasi?
75. Pernahkah galeri encik mendapat kunjungan dari orang ternama?
76. Bagaimanakah dengan waktu operasi?
77. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk melawat Galeri?
78. Bagaimanakah lawatan pada musim covid ini?
79. Berapa lama perjalanan dari rumah encik ke galeri?
80. Berapakah bilangan kakitangan di galeri?
81. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik sepanjang dalam bidang lukisan?
82. Apakah yang dimaksudkan oleh SENIKA?
83. Berapakah masa yang diambil untuk mewujudkan SENIKA?
84. Siapakah yang menguruskan SENIKA?
85. Dimanakah program SENIKA dianjurkan?
86. Apakah yang menjadi keistimewaan SENIKA?
87. Apakah syarat seorang pelukis untuk menyertai SENIKA?

Baiklah, sekarang kita teruskan dengan **sumbangan** encik dalam bidang ini.

88. Apakah sumbangan encik dalam perpaduan?
89. Apakah sumbangan yang encik telah jayakan demi menaikkan nama seni tanah air?
90. Bagaimanakah usaha encik memberi gambaran kepada orang luar tentang lukisan ?
91. Apakah anugerah yang encik pernah terima?
92. Apakah anugerah terbesar yang pernah dimiliki encik?
93. Bagaimana encik boleh memiliki anugerah tersebut?

94. Apakah antara sumbangan yang pernah diberikan kepada orang awam oleh SENIKA ?
95. Apakah cadangan encik untuk menarik minat kanak-kanak terhadap lukisan?
96. Bagaimanakah cara encik untuk sentiasa mengekalkan kualiti lukisan encik?
97. Bagaimanakah cara yang digunakan oleh encik untuk mempromosikan program yang diadakan?
98. Bagaimana pula cara untuk mempromosikan hasil karya lukisan?
99. Apakah media sosial yang sering digunakan oleh encik untuk mempromosikan hasil lukisan encik?
100. Pada pandangan encik, bagaimanakah cara untuk terus mengekalkan karya lukisan pada masa akan datang ?
101. Berapakah pameran solo yang telah diadakan di galeri encik?
102. Antara pameran yang pernah dilaksanakan, apakah pameran yang paling banyak mendapat sambutan?
103. Adakah kos untuk melukis tinggi?

Baiklah, sekarang kami ingin bertanyakan tentang **harapan** encik,

104. Apakah harapan encik terhadap karya lukisan pada masa akan datang?
105. Apakah harapan agar generasi akan datang lebih berminat dalam bidang seni?
106. Apakah harapan encik terhadap semua galeri yang encik telah tubuhkan?
107. Apakah perancangan encik untuk menaikkan lagi Galeri Pantai Timur pada masa akan datang?
108. Pada pendapat encik, bagaimanakah cara untuk mempupuk minat seni dalam diri seseorang?

# **SENARAI GAMBAR**



**GAMBAR 2: ALIA BERSAMA SALAH SATU LUKISAN ENCIK MOHD SHAIMY**



**GAMBAR 3: LUKISAN ENCIK MOHD SHAIMY YANG BERTARIFA RM9 RIBU**



**GAMBAR 4: ANUGERAH YANG DIPEROLEHI**



**GAMBAR 4: SIJIL PENGHARGAAN YANG TELAH DITERIMA**



**GAMBAR 5: SIJIL ANUGERAH KEPIMPINAN SENI VISUAL**



# **SURAT PERJANJIAN**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohd Shahriz bin Hossain N/P 550415-06-8437 pada  
4/1/2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diarahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyampahan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang dikehendaki penerbitan/penerbitan rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip transkrip peribadi/teks, termasuk siri audio (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis, dll, sumbernya, iaitu, hendaklah dikekalkan oleh penyelidik penyelidik.

Mohd Shahriz  
(Nama tokoh bin Hossain)  
Tarikh: 4/1/2021

(Nama pensyarah: Nurulnisa Binti Abdullah)  
b.p. Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

# INDEKS

## **INDEKS**

### **A**

Akrilik 23

Advertising 19

### **G**

GAPs 31

### **L**

Leonardo da Vinci 19

Lorong Paung 19

Live 23

Live Potret 26

### **M**

Malacca Streets 21

Maktab Adabi 14

Marco Anglo 18

Mona Lisa 18

### **R**

Realisme 18

Renaissance 17, 18

Rumy Art Studio 13, 14, 19

Romantisme 18

S

Surelism 26

SENIKA 34